

Headline	Pemilihan Presiden AS harus jadi pengajaran		
MediaTitle	Kosmo		
Date	26 Nov 2016	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Negara	Color	Full Color
Page No	11	ArticleSize	475 cm ²
AdValue	RM 12,374	PR Value	RM 37,123



Pemilihan Presiden AS harus jadi pengajaran

CORAK dan pola keputusan pilihan raya United Kingdom (UK) 2015 dan referendum Kesatuan Eropah (EU) 2016 yang berpihak kepada Brexit ditambah dengan keputusan terkini kemenangan Donald Trump bagi pemilihan calon Presiden Amerika Syarikat (AS) seolah-olah menjadikan petanda dunia berada dalam kegawatan sosiopolitik.

Kecoh diperbualkan perihal apa akan jadi pada masa hadapan dunia selepas ini. Namun, itulah hakikat dunia politik. Dalam politik tiada yang benar atau salah kerana apa yang penting adalah matlamat walaupun terpaksa menghalalkan cara.

Menjadi tanda tanya kenapa bandar-bandar metropolis di AS seperti New York, Los Angeles dan Chicago berpihak kepada Hillary Clinton daripada Demokrat berbanding kawasan luar bandar majoriti memiliki Trump daripada Republikan.

Hal ini sama seperti pilihan raya UK 2015 dan Brexit 2016. Rakyat di bandar-bandar besar di UK seperti London berpihak kepada Parti Buruh dan mengundi untuk kekal dalam EU manakala kawasan luar bandar berpihak kepada Parti Konservatif dan memilih untuk meninggalkan kesatuan itu.

Tentunya ada perkara yang lebih menarik untuk dianalisis di sebalik coretan sejarah besar dunia ini yang berkait langsung dengan senario politik di Malaysia.

Secara teori kawasan bandar utama mempunyai komposisi penduduk yang berfikiran terbuka, berpendidikan dan lebih memiliki dalam membuat sesuatu keputusan.

Dalam erti kata lain, penduduk di bandar ini sukar dipengaruhi dengan spekulasi dan sentimenter yang disebarluaskan seperti isu rasism, agama dan elemen psikologi.

Berbeza dengan masyarakat di kawasan luar bandar apabila masyarakatnya kurang terdedah dengan isu semasa.

Masyarakat di kawasan bandar sama ada di UK, AS maupun di Malaysia didominasi oleh golongan yang terdedah kepada tekanan persekitaran. Majoriti penduduk bandar adalah golongan yang bekerja.

Matlamat hidup golongan ini pula adalah bagaimana untuk survival dalam kehidupan, yang melibatkan kos sara hidup. Rasionalnya



Menjengah
Minda

Bersama MOHD.
MUZZAMMIL ISMAIL

kelompok ini lebih merasakan keperitan hidup berbanding mereka yang berada di luar kota.

Tentunya mereka juga yang dapat menilai yang mana satu retorik manifesto pilihan raya sama ada ia suatu pembobongan politik maupun lebih daripada fakta.

Golongan muda yang terdiri daripada pelajar dan pekerja profesional atau berkemahiran yang sangat bergantung kepada ekosistem aliran ekonomi dan sosial yang berdaya tahan "resilient", adalah kebanyakannya tinggal di bandar. Mereka ini berpikiran lebih "rebel" yakni suka membantah dan menilai berbanding dengan warga yang lebih berusia yang berhati-hati atau takut kepada perubahan besar.

Contohnya, Donald Trump telah menang kemungkinan ekonomi AS akan mengalami ketidaklertuan yang boleh mengurangkan peluang pekerjaan dan menyebabkan kelembapan pasaran mata wang.

Inilah yang mereka takuti. Namun melihat kepada peratusan yang keluar mengundi, kumpulan yang paling ramai mengundi adalah mereka yang lebih berusia berbanding anak muda. Ini juga antara permasalahan pilihan raya di negera kita.

Apa juga yang berlaku di AS dan UK, rakyat negara itu sudah mendukung presiden mereka dengan menggunakan hak untuk mengundi

di. Kita pula bagaimana?

Kerisauan golongan muda terhadap masa hadapan negara seharusnya diterjemahkan melalui saluran pilihan raya yang menjadi medan penentu siapa yang layak memegang tampuk pemerintahan negara.

Jika hari ini jutaan rakyat AS masih terhadap keputusan pemilihan calon presiden mereka yang berpihak kepada Donald Trump, namun seharusnya rakyat AS menyalahkan 40 peratus bilangan mereka yang tidak keluar mengundi. Bak kata pepatah nasi sudah menjadi bubur.

Perkara ini berbalik kepada mentaliti masyarakat kita khususnya golongan muda yang merupakan kumpulan yang tertinggi dalam senarai jumlah pengundi. Malangnya, masih terdapat hampir empat juta yang belum mendaftar dan majoriti daripada jumlah tersebut adalah daripada kalangan Melayu dan bumiputera.

Suarakan suara kita melalui undi dan bukannya sekadar berpeluk tubuh dan mengomel melalui aplikasi WhatsApp atau laman media sosial. Jangan kita menang sorak di alam maya tapi kampung sebenar kita digadai.

Akhir sekali, melihatkan kepada isu ini, barangkali kerajaan harus mengkaji dan menggubal peruntukan atau undang-undang tertentu yang memakutkan bahawa seorang warganegara Malaysia yang telah mencecah umur 21 tahun didaftarkan secara automatik dan layak mengundi bagi membolehkan peratusan keluar mengundi meningkat pada Pilihan Raya Umum ke-14 nanti.

●MOHD. MUZZAMMIL ISMAIL ialah Felo Akademik Pusat Pengajian Kerajaan, Jabatan Perancangan dan Pembangunan Hartanah, Universiti Utara Malaysia